



SIARAN MEDIA

KEMPEN INTERNET SELAMAT: 479 SEKOLAH DI NEGERI SEMBILAN TELAH IKUTI PELAKSANAAN MODUL UNTUK MURID SEKOLAH

SEREMBAN, 9 Oktober 2025 – Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching hari ini merasmikan Program Kempen Internet Selamat (KIS) peringkat Negeri Sembilan di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Bandar Sri Sendayan, Seremban.

Program ini merupakan kesinambungan KIS yang telah dilaksanakan melibatkan para pelajar daripada 479 buah sekolah rendah dan menengah di Negeri Sembilan. Program ini merupakan kolaborasi bersama Kerajaan dan Agensi Negeri serta rakan strategik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) iaitu Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI).

Seramai 300 orang pelajar Tahun 4 hingga Tahun 6 melibatkan 31 sekolah rendah sekitar Seremban telah menyertai KIS peringkat negeri ini dan melengkapkan penyertaan pelajar dari seluruh sekolah di Negeri Sembilan.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan memperkukuh keselamatan siber negara, KIS telah dilaksanakan dengan pendekatan menyeluruh yang menyasarkan pelajar sekolah rendah dan menengah. Kempen ini merangkumi sesi taklimat dan aktiviti interaktif menggunakan modul khas yang direka khusus untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap penggunaan Internet secara selamat dan beretika.

Kempen ini turut diserikan dengan penyertaan agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), MCMC serta NADI melalui reruai pameran yang memberi pendedahan kepada pelajar mengenai fungsi aplikasi Internet dan risiko ancaman dalam talian. Antara maklumat penting yang disampaikan termasuklah had umur minimum 13 tahun ke atas bagi pemilikan akaun media sosial, selaras dengan garis panduan keselamatan digital antarabangsa.

Sambutan yang diterima daripada para pelajar dan guru amat memberangsangkan. Para peserta menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi dan berjaya memahami asas literasi digital, mengenal pasti risiko seperti buli siber dan pengantunan (*grooming*), serta mempelajari kaedah penggunaan Internet secara selamat dan bertanggungjawab melalui aktiviti permainan interaktif yang disediakan.

Kempen ini akan diteruskan secara berperingkat di sekolah-sekolah seluruh negara sebagai usaha memperkasakan pelajar dan pendidik dalam menghadapi cabaran dunia digital. Kementerian komited untuk memupuk kesedaran awal serta membudayakan penggunaan Internet yang positif, selamat dan bertanggungjawab dalam kalangan generasi muda demi kesejahteraan digital negara.

**Dikeluarkan oleh:
Komunikasi Korporat MCMC**